

**BAB 2 : PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU****SPM2004/A/S2**

- (a) Jenis-jenis pendapatan individu:

**Upah** yang diterima oleh buruh bagi perkhidmatan tenaga mental dan fizikal yang disumbangkan dalam sesuatu pekerjaan.

**Sewa** diterima oleh pemilik tanah atau bangunan yang membenarkan orang lain menggunakan hartanya.

**Faedah** diterima oleh pemilik modal wang yang menyimpan wang di bank.

**Bayaran pindahan** juga diterima oleh individu tanpa menyumbang tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran. Contoh bayaran pindahan ialah basiswa yang diterima oleh pelajar, subsidi yang diterima oleh petani, pencen yang diterima oleh pesara dan bantuan kepada orang cacat.

- (b)

- (i) **Pendapatan boleh guna** ialah pendapatan bersih yang boleh digunakan oleh individu untuk perbelanjaan. Ia diperoleh dengan menolak potongan-potongan seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), cukai pendapatan dan zakat daripada jumlah pendapatan yang diterima.
- (ii) **Pendapatan boleh cukai** ialah pendapatan yang diambil kira untuk pengiraan cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan. Ia diperoleh dengan menolak semua pelepasan cukai daripada pendapatan individu.
- (iii) **Upah benar** merupakan upah yang diukur dari segi kemampuan membeli barang dan perkhidmatan yang diperlukan. Ia diperoleh dengan membahagikan upah wang dengan harga purata barang.

$$\text{Upah benar} = \frac{\text{Upah wang}}{\text{Harga purata barang}}$$

- (c) Faktor-faktor yang menyebabkan Cik Aina menjadi guru tadika:

**Faktor Minat**

Cik Aina berminat menjadi guru tadika, beliau mendapat kepuasan diri yang tidak dapat diukur dengan nilai wang.

**Faktor Latar belakang keluarga**

Cik Aina mungkin mewarisi kerjaya keluarganya menjadi guru tadika kerana ibunya ialah seorang guru tadika.

Tadika ibunya memerlukan seseorang untuk meneruskan kegiatannya.

**Faktor Masa Bekerja**

Dari segi masa lapang, pekerjaan sebagai guru mempunyai banyak cuti dan ini menjadi tarikan utama kepada Cik Aina.

**Keselesaan tempat kerja**

Keselesaan juga faktor penting, dengan menjadi guru tadika, Cik Aina boleh bekerja di tempat yang bersih dan selesa berbanding dengan peguam yang terpaksa kerja di tempat yang tidak tentu iaitu kadang kala di pejabat dan juga di mahkamah serta menghadapi cabaran.

**Jarak**

Jarak tabika dari rumah Cik Aina dekat, tidak perlu berulang alik ke tempat yang jauh. Mungkin pejabat guaman terletak di bandar yang jauh dan sesak.

**SPM2004/A/S4**

(d) Pengiraan pendapatan boleh cukai Encik Irfan:

	RM	RM
<b>Pendapatan Tahunan:</b>		
Gaji (RM2 500 x 12)	30 000	
Faedah simpanan tetap (RM120 x 12)	1 440	
Sewa diterima (RM380 x 12)	4 560	
		<u>36 000</u>
<b>Tolak pelepasan cukai:</b>		
Diri sendiri	8 000	
Isteri	5 000	
Anak (3 x RM800)	2 400	
Caruman KWSP (RM225 x 12)	2 700	
Premium Insurans Nyawa (RM150 x 12)	1 800	
		<u>19 900</u>
<b>Pendapatan boleh cukai</b>		<b><u>16 100</u></b>
<b>Pengiraan Cukai pendapatan bagi tahun 2003:</b>		
Cukai RM2 500 pertama	0	
Cukai RM2 500 berikutnya (RM2 500 x 1%)	25	
Cukai RM5 000 berikutnya (RM5 000 x 3%)	150	
Cukai RM10 000 berikutnya (RM6 100 x 5%)	305	
Jumlah cukai pendapatan	<u>480</u>	

**SPM2005/A/S2**

(a)

- (i) Tidak bersetuju kerana jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna sebanyak RM200.
- Berlaku pembaziran dalam perbelanjaan
  - Tiada tabungan atau simpanan untuk kecemasan masa depan
  - Terpaksa meminjam untuk berbelanja
  - Menyebabkan inflasi dalam ekonomi
- (ii) Penyata Belanjawan Peribadi yang Sistematik untuk Encik Saiful

	RM	RM
Pendapatan boleh guna		2 000
<i>Tolak Perbelanjaan:</i>		
Sewa rumah	500	
Hiburan/rekreasi	100	
Sumbangan kepada ibu bapa	300	
Kesihatan	100	
Tambang	200	
Bil elektrik, air, dan telefon	200	
Makanan	500	1 900
Tabungan/lebihan		100

(b)

## (i) Cara-cara pelaburan:

- Membeli barang niaga atau bahan mentah, kemudian dijual dengan harga yang lebih tinggi. Contohnya seorang peniaga membeli barang niaga bernilai RM500 dan menjualnya dengan harga RM800 dan mendapat keuntungan sebanyak RM300.
- Membeli harta tetap seperti tanah atau bangunan dan menyewakannya untuk mendapatkan sewa.
- Membeli jentera atau mesin untuk memproses atau menghasilkan barang. Contohnya mesin fotostat untuk menjalankan kerja fotostat demi mendatangkan hasil.
- Pelaburan juga boleh dalam bentuk pelaburan dalam modal manusia di mana wang yang dibelanjakan dalam usaha meningkatkan kemahiran, pendidikan, dan kesihatan.

## (ii) Pulangan daripada tabungan

- Tabungan di bank mendapat pulangan dalam bentuk faedah
- Tabungan di koperasi, Lembaga Tabung Haji mendapat pulangan dalam bentuk dividen
- Membeli unit amanah mendapat pulangan dalam bentuk bonus dan dividen

**Pulangan daripada pelaburan**

- Membeli barang untuk dijual bagi mendapatkan keuntungan
- Menyewakan bangunan bagi mendapatkan sewa
- Menambah modal bagi mendapatkan hasil

**SPM2006/A/S1**

## (c) Lima faktor yang menyebabkan Encik Shafiq bertukar kerja (tidak termasuk upah wang):

**Suasana tempat kerja**

Encik Shafiq mungkin berminat memilih suasana tempat kerja yang lebih selesa dan selamat/kurang risiko.

**Jarak**

Encik Shafiq memilih pekerjaan yang dekat dengan tempat tinggalnya di Alor Setar, Kedah.

**Pengaruh keluarga**

Encik Shafiq lebih cenderung untuk memilih pekerjaan yang diceburi oleh bapa/ahli keluarganya yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan.

**Minat**

Encik Shafiq mungkin berminat terhadap pekerjaannya sebagai kerani. Encik Shafiq menceburi bidang pekerjaan yang diminati yang dapat memberi kepuasan.

**Faedah Sampingan**

Termasuk bonus, rawatan hospital percuma dan kemudahan pinjaman untuk membeli rumah dan kereta pada kadar faedah yang rendah.

**Waktu kerja**

Encik Shafiq dapat bekerja mengikut waktu pejabat.

**SPM2007/A/S2****(a) Upah**

Upah ialah ganjaran kepada buruh yang menyumbangkan tenaga fizikal atau mental. Upah yang diterima oleh individu pada suatu tempoh tertentu dikenal sebagai upah wang atau upah nominal. Upah benar merujuk kepada jumlah barang yang dapat dibeli oleh upah wang.

**Untung**

Untung ialah ganjaran kepada usahawan yang menanggung risiko yang tidak dapat diinsuranskan. Seorang usahawan menerima untung kerana:

- Mengurus perniagaannya
- Menyelaraskan semua faktor pengeluaran yang digunakan
- Membuat inovasi dalam teknik pengeluaran dan pemasaran
- Menanggung risiko perniagaan.

**(b) Pendapatan boleh guna Encik Amir pada bulan tersebut:**

Butiran	RM	RM
<b>Pendapatan:</b>		
Gaji	4 000	
Faedah simpanan	100	
Jumlah		4 100
<b>Tolak Potongan Wajib:</b>		
KWSP	360	
Cukai Pendapatan	15	
PERKESO	20	
Jumlah		395
<b>Pendapatan boleh guna</b>		<b>3 705</b>

**(c)**

- (i) Belanjawan peribadi ialah suatu anggaran perbelanjaan yang berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna individu untuk suatu tempoh masa tertentu.
- (ii) Kepentingan belanjawan peribadi kepada individu:
  - Membolehkan individu mendahulukan barang dan perkhidmatan yang penting serta dapat mengelakkan pembaziran. Individu dapat membeli barang dan perkhidmatan mengikut keutamaan.
  - Membantu individu menabung. Membantu individu menentukan jumlah tabungan yang ingin dilakukan.
  - Membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan boleh guna. Individu dapat berbelanja mengikut kemampuan.
  - Membantu mengawal kenaikan harga barang. Peningkatan permintaan barang lebih terkawal.
  - Membantu mengelakkkan hutang. Individu akan berbelanja mengikut kemampuan dan dapat mengelakkan hutang.

(d)

(i) X adalah tabungan

(ii) Tiga kepentingan X kepada individu:

- Untuk masa kecemasan, contohnya semasa kemalangan dan rawatan hospital
- Untuk membeli barang tahan lama seperti kereta dan rumah
- Untuk membuat pelaburan, contohnya membeli saham
- Sebagai modal untuk menjalankan perniagaan
- Untuk membaiayai pelajaran anak, contohnya melanjutkan pelajaran di luar negara
- Untuk kegunaan hari tua kerana tiada sumber pendapatan lain selepas bersara
- Untuk melancong ke luar negara dan menunaikan fardu haji di Mekah.

**SPM2008/A/S2**

(a) Perbezaan kerjaya yang dipilih oleh Jamal dan Arief berdasarkan faktor pemilihan pekerjaan:

Faktor	Jamal (Pegawai bank)	Arief (Petani)
Faedah sampingan	Banyak faedah sampingan	Tiada faedah sampingan
Kelayakan akademik	Memerlukan kelayakan akademik	Tidak memerlukan kelayakan akademik
Suasana tempat kerja	Suasana tempat kerja yang lebih selesa	Suasana tempat kerja yang kurang selesa
Waktu kerja	Bekerja mengikut waktu yang ditetapkan	Waktu bekerja tidak tetap.

(b) Pendapatan boleh guna Encik Farish:

Butiran	RM	RM
<b>Pendapatan:</b>		48 000
<b>Tolak Potongan wajib:</b>		
KWSP	4 800	
Cukai Pendapatan	100	
PERKESO	240	
Zakat	600	
Jumlah		5 740
<b>Pendapatan boleh guna</b>		42 260

**Jalan kerja:**

Pendapatan boleh cukai = RM33 000

**Cukai dikenakan**

RM30 000 pertama = RM550

RM20 000 berikutnya ( $RM3\ 000 \times 5\%$ ) = RM150RM700Tolak : Zakat = RM600**Cukai pendapatan** = RM100

$$\text{KWSP} = \text{RM}48\ 000 \times 10\% = \text{RM}4\ 800$$

(c) Empat kepentingan belanjawan peribadi:

- **Membolehkan individu mendahulukan barang dan perkhidmatan yang penting.** Individu dapat membeli barang dan perkhidmatan mengikut keutamaan/mencapai kepuasan maksimum.
- **Menggalakkan individu menabung.** Tabungan digunakan untuk perbelanjaan diluar jangkaan/awasan/kecemasan.
- **Membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan boleh guna.** Individu dapat berbelanja mengikut kemampuan/tidak melebihi pendapatan.
- **Membantu mengawal kenaikan harga barang/inflasi.** Peningkatan permintaan barang lebih terkawal.
- **Membantu mengelakkan hutang.** Individu akan berbelanja mengikut kemampuan dan dapat mengelakkan hutang.
- **Menggalakkan amalan berjimat cermat.** Mengelakkan pembaziran daripada berlaku.

(d)

(i) Cara pelaburan yang dimaksudkan oleh Encik Gopal:

Pembelian aset tetap

- Berisiko rendah
- Boleh disewakan
- Mendapat keuntungan apabila dijual
- Contohnya rumah, tanah, dan bangunan

(ii) Setuju kerana tabungan

- Mendapat pulangan dalam bentuk faedah/dividen
- Berisiko rendah
- Mempunyai sifat mudah cair

sedangkan pelaburan

- Berisiko tinggi
- Mempunyai sifat tidak mudah cair

**ATAU**

Tidak setuju kerana tabungan

- Memberi pulangan yang rendah

Sedangkan pelaburan

- Memberi pulangan lebih tinggi
- Dapat dijual/disewakan untuk meningkatkan pendapatan
- Memberi pulangan dalam bentuk keuntungan